

15 NOV 1997

Sanusi-Oita

KEDAH RANCANG KERJASAMA DENGAN WILAYAH OITA

LANGKAWI, 15 Nov (Bernama) -- Kedah bercadang untuk mengadakan beberapa usaha sama dengan wilayah Oita di Jepun dalam bidang industri sederhana, pertanian dan pelancongan

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid berkata berdasarkan kepada hubungan yang semakin erat antara wilayah itu dengan penubuhan Institut Latihan Oita-Kedah di Sik, Kedah, terdapat potensi yang luas khususnya dalam konteks "perkongsian pintar".

Ketika bercakap kepada media Jepun selepas perasmian Persidangan Kemuncak Pertukaran Peringkat Wilayah Asia-Kyushu Keempat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini, beliau berkata Wilayah Oita boleh membantu dalam bidang pelancongan dengan memasarkan Langkawi sebagai destinasi yang menarik.

Sanusi berkata institut latihan itu akan membolehkan pertukaran lawatan diadakan antara pegawai kedua-dua pihak untuk mempelajari pelaksanaan pelbagai projek dalam bidang sosio ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan kedua-dua wilayah itu.

Kedua-dua pihak sedang berbincang mengenai kemungkinan untuk menjalankan projek perkampungan buku di Oita. Langkawi memiliki perkampungan buku yang pertama di Asia dan ketujuh di dunia.

Ketika membentangkan kertas kerjanya mengenai "Perubahan dan Pembangunan Sosial" di persidangan itu, Sanusi berkata apabila beliau mengambil alih teraju pemerintahan kerajaan negeri Kedah, beberapa ide dan pendekatan baru telah diperkenalkan untuk mempertingkatkan mutu pentadbiran dan strategi pembangunan di negeri itu.

"Dalam Wawasan 2020, Dr Mahathir telah meletakkan matlamat bahawa Malaysia akan menjadi sebuah negara maju dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan kerohanian dan di peringkat negeri, satu agenda pembangunan telah diwujudkan untuk mencapai matlamat itu," kata beliau.

Beberapa program teras telah dimulakan seperti pembangunan industri pelancongan, projek menebus guna tanah, projek menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan setempat dan projek menjadikan Langkawi sebagai sebuah pusat akademik dan penyelidikan.

Sanusi berkata strategi pembangunan di Kedah akan memberikan keutamaan kepada pembangunan seimbang, dan menerusi matlamat untuk menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan, ia telah menarik beribu-ribu kanak-kanak yang menjadikannya sebagai tempat untuk mengulang kaji pelajaran. -- BERNAMA

NH MZ MAI